

Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR

Henti bertelagah jika mahu kekal memerintah

Dr M nasihat pemimpin PH tak hilang fokus dengan perkara sampingan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim,
 Tuty Haryanti Ahmad Rozdzi
 dan Azzman Abdul Jamal
 bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa semua pimpinan parti komponen Pakatan Harapan (PH) supaya berhenti bertelagah dan berebut kuasa sehingga boleh menyebabkan parti hilang kuasa.

Perdana Menteri berkata, pimpinan dalam PH perlu komited dan tidak hilang fokus dengan perkara sampingan yang tiada nilai kepada pembangunan dan hal tuju negara.

"Kuasa yang diamanahkan oleh rakyat kepada kita adalah untuk memperbaiki apa yang telah rosak dan memperbetulkan apa yang salah, tidak lebih dan tidak kurang dari itu.

"Kita juga perlu tanya kepada diri kita apakah kita akan terus mendapat mandat rakyat jika mereka melihat kita terus bertelagah kerana berebut kuasa sehingga akhirnya PH hilang kuasa," katanya ketika berucap pada program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pejabat Presiden Majlis Penasihat PKR,



Dr Mahathir bersama Dr Wan Azizah dan Anwar hadir pada program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR di Port Dickson, Negeri Sembilan, malam tadi.

(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden PKR yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Antara pemimpin kanan PKR yang tidak hadiri ialah Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan tiga Naib Presiden iaitu Zuraida Kamaruddin, Tian Chua dan Ali Biju.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, PH perlu bertekad bekerja seberapa mampu untuk memajukan negara ini serta mempermudahkan hidup rakyat.

"Tugas kita bukan terhenti atau berakhir setiap kali pilihan raya umum diadakan. Apabila kita merencanakan masa depan negara, ia harus berupaya melakar

satu hala tuju melangkaui jangka masa yang panjang.

"Kerana itu apabila kita sedar Wawasan 2020 sudah agak tersasar, kita mula memikirkan mengenai wawasan baharu yang boleh membawa negara dan rakyat kepada satu tahap kehidupan yang lebih baik.

"Ia memerlukan anjakan para-digma dan kita berasa perlu untuk memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama bagi mewujudkan rakyat yang bersatu tanpa prasangka," katanya.

Justeru, kata Perdana Menteri, bagi mencapai kemakmuran bersama dan agenda lain untuk negara, keutuhan gabungan PH menjadi kunci kejayaan.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata,

ketidakhadiran Mohamed Azmin adalah urusan pemimpin PKR itu.

"Itu urusan dia, bukan urusan saya," katanya.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin dijangka sampaikan ucapan pada hari kedua sesi pemukiman itu hari ini disertai ucapan tujuh Naib Presiden lain.

Sementara itu, Anwar, dalam ucapannya, berharap setiap masalah dalam PKR diselesaikan segera dalam memastikan negara dapat diuruskan dengan baik.

"Dengan dokongan kita terhadap Tun Mahathir yang saya sudah kenal lama dan gaduh pun lama, saya tahu satu perkara yang tidak boleh dipertikai, Tun sangat suka dengan negara ini," katanya.